

22 OCT 2003

Kayak-Semangat

KU MOHD FOZI TIBA DI KUALA PERLIS DENGAN SEMANGAT DR MAHATHIR

KUALA PERLIS, 22 Okt (Bernama) -- Ku Mohd Fozi Ku Husin, 52, yang berkhayak lebih 800 kilometer dari Tanjong Piai, Johor tiba di sini hari ini untuk menamatkan ekspedisi tanda pengharganya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketibaan beliau di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Perlis pada pukul 5.40 petang, disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perlis, Loh Yoon Foo, anggota dewan undangan negeri (Adun) Kuala Perlis, Bakar Saad, Adun Simpang Empat, Zahari Bakar dan Adun Johol, Negeri Sembilan, Datuk Darus Salim Bulin.

"Saya bersemangat untuk membawa cabaran ini kerana kejayaan ini adalah untuk menghargai Dr Mahathir yang banyak berjasa," kata Fozi kepada para pemberita selepas majlis sambutan ketibaannya.

Bapa kepada sepuluh orang anak itu mengambil masa 22 hari untuk menamatkan ekspedisi solonya itu.

Beliau berkata selain itu, sebanyak 22 lokasi juga menjadi tempat persinggahan sepanjang ekspedisi.

Katanya, angka 22 itu sengaja dirancang sebagai menandakan tempoh 22 tahun Dr Mahathir, yang akan bersara akhir bulan ini, menerajui negara.

Fozi yang berasal dari Kampung Belukar, Arau, Perlis kini menetap di Negeri Sembilan.

"Arus kuat, ombak besar dan angin kencang adalah antara cabaran yang harus dilalui bagi menamatkan ekspedisi mengikut jadual," katanya.

Menceritakan pengalamannya, Fozi berkata kejadian di Tanjong Sepat, Selangor begitu mencabar apabila terpaksa beliau menarik kayak sejauh kira-kira dua kilometer selepas dipukul ombak besar hingga ke pinggir pantai yang berselut.

"Saya terpaksa menarik kayak dalam kawasan lumpur lebih satu jam bagi memastikan perjalanan dapat diteruskan. Masa itu saya tidak berupaya untuk menolak kayak ke kawasan air dalam kerana arus kuat," katanya.

Beliau bagaimanapun bersyukur kerana sepanjang ekspedisi itu, kayaknya tidak pernah terbalik walaupun pernah dilambung ombak setinggi dua meter.

Fozi yang merupakan seorang pelukis, penari dan pemuzik berkata, sepanjang ekspedisi itu beliau singgah bermalam sama ada di dalam khemah atau menumpang bangunan awam.

Beliau juga bersyukur dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak untuk menjayakan misinya itu.

Fozi berkata beliau bercadang untuk mengadakan ekspedisi berkhayak dari Kelantan ke Johor Baharu pula pada tahun depan.

-- BERNAMA

AD MOZ